

Perusahaan Bumiputera: Mahathir tegur badan berkanun

KUALA LUMPUR, Ahad.— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan badan-badan berkanun memberi segala bantuan yang perlu kepada Bumiputera dalam kegiatan ekonomi, bukan mengambilalih kegiatan-kegiatan yang telah mereka ceburi.

Tegas beliau, pada masa ini terdapat salah faham dari badan-badan berkanun terhadap tugas dan tanggungjawab mereka melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

"Akibatnya, badan-badan tersebut bukan saja tidak memberi bantuan yang Bumiputera perlukan, tetapi mengambilalih pula kegiatan-kegiatan yang telah mereka ceburi," tambah beliau.

Berucap di Seminar Dewan Perlombongan Bumiputera Malaysia di sini hari ini, Timbalan Perdana Menteri berkata badan-badan berkanun hanya melibatkan secara langsung dalam satu-satu lapangan bila sesuatu perniagaan itu begitu besar dan tidak mungkin disertai oleh Bumiputera.

Tolong

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan Pusat telah menasihatkan badan-badan berkanun dan Kerajaan Negeri supaya menolong Bumiputera memasuki bidang perniagaan dan perusahaan, bukan mengambilalih tempat mereka.

Masalah ini timbul, kata Datuk Seri Dr. Mahathir kerana mereka yang melaksanakan Dasar Ekonomi Baru melalui badan-badan berkanun tidak faham sebenarnya tentang tugas dan tanggungjawab mereka.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, yang menghairankan sebahagian dari mereka yang bertanggungjawab terhadap perjalanan badan-badan berkanun ini, satu masa dulu dengan lantang mendesak kerajaan menolong peniaga-peniaga Bumiputera.

Dua matlamat

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, ada juga pelaksana DEB di badan-badan berkanun yang berpendapat, jika badan berkanun berkenaan dapat bergiat dalam satu-satu lapangan perniagaan mengapa perlu diberi kepada Bumiputera.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengulangi bahawa penubuhan badan berkanun mempunyai dua matlamat, iaitu:

■ Untuk menolong Bumiputera yang secara persendirian tidak mampu melibatkan diri dalam satu-satu bidang dan badan berkanun mengambil bahagian di mana Bumiputera tidak mampu sahaja.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia